

02 DEC 1997

DR MAHATHIR TIBA DI LANGKAWI UNTUK MERASMIKAN LIMA '97

LANGKAWI, 2 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini, hari ini, untuk merasmikan Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) keempat di Padang Matsirat di sini, hari ini.

Acara tahun ini menyaksikan penyertaan terbesar dengan 903 syarikat dari 40 negara mengambil bahagian.

Segmen pameran udara diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) dekat Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi sementara pameran maritim diadakan di Tanjung Malai, lebih kurang enam km dari MIEC.

Selepas majlis perasmian, Dr Mahathir akan menyaksikan pertunjukkan udara oleh beberapa syarikat pembuat pesawat terbang dengan pasukan aerobatik "Red Arrows" dari Britain menjadi tarikan utama.

Pada sebelah petang, Perdana Menteri akan menyampaikan ucapan dasar di Persidangan Udara Antarabangsa LIMA '97 yang diadakan di Hotel Helang, sebuah hotel mewah di sebelah MIEC.

Dr Mahathir akan melawat pameran maritim esok dan merasmikan jeti Star Cruise di Tanjung Malai.

Sementara berada di sini, Dr Mahathir yang diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dijangka mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet di Gunung Raya Resort dan merasmikan Kampung Buku, iaitu perpustakaan berkonsepkan kampung. -- BERNAMA

MOK PR